

65. Apakah cukai yang bebannya boleh dipindahkan kepada pihak lain?

- A. Duti setem
- B. Cukai pintu
- C. Duti eksport
- D. Cukai pendapatan

66. Pasangan manakah yang betul tentang perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan?

|    | Perbelanjaan Mengurus                       | Perbelanjaan Pembangunan                  |
|----|---------------------------------------------|-------------------------------------------|
| A. | Untuk meningkatkan pembentukan modal insan  | Untuk urusan pentadbiran berjalan lancar  |
| B. | Perbelanjaan semasa yang berulang           | Perbelanjaan yang dilakukan sekali sahaja |
| C. | Bekalan dan perkhidmatan                    | Perkhidmatan sosial                       |
| D. | Tidak dipengaruhi tingkat pendapatan negara | Dipengaruhi tingkat pendapatan negara     |

67. Pernyataan yang manakah betul mengenai dasar kewangan mengembang ?

- A. Bertujuan untuk mengatasi keadaan inflasi
- B. Bertujuan menambahkan bekalan wang dalam pasaran
- C. Bank Pusat akan meningkatkan nisbah rizab berkanun
- D. Bank perdagangan menyimpan lebih banyak wang di Bank Pusat

68. Antara berikut tindakan kerajaan yang manakah betul dalam melaksanakan dasar fiskal mengembang?

- I Menurunkan cukai
- II Mengurangkan kadar faedah
- III Membeli surat jaminan kerajaan
- IV Menambah perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

69. Jadual berikut menunjukkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh satu tahun.

| Sumber hasil                        | RM (Juta) |
|-------------------------------------|-----------|
| Cukai pendapatan individu           | 33 630    |
| Duti eksport                        | 1 450     |
| Cukai pendapatan koperasi           | 2 565     |
| Duti eksais                         | 11 970    |
| Lesen dan permit                    | 13 788    |
| Cukai jualan dan perkhidmatan (SST) | 32 060    |

(Sumber: diubah suai daripada <https://ekonomirakyat.com.my/bajet-2023>)

Berapakah jumlah hasil cukai tak langsung?

- A RM36 195
- B RM45 480
- C RM59 268
- D RM95 463

70. Gambar berikut menunjukkan suatu perbelanjaan pembangunan.



Apakah sektor perbelanjaan yang terlibat?

- A Keselamatan
- B Pentadbiran am
- C Perkhidmatan sosial
- D Perkhidmatan ekonomi

71. Maklumat berikut menunjukkan kesan daripada tindakan Bank Negara Malaysia.

- Penciptaan kredit menurun
- Bekalan wang berkurang

Apakah tindakan tersebut?

- A Meningkatkan rizab tunai ✓
- B Mengurangkan had pinjaman
- C Membeli surat jaminan kerajaan
- D Memendekkan tempoh pinjaman

72. Pasangan yang manakah betul?

|   | Dasar kewangan | Keterangan                                                 |
|---|----------------|------------------------------------------------------------|
| A | Mengembang     | Bertujuan untuk mengurangkan permintaan agregat            |
| B | Mengembang     | Bertindak dengan menurunkan kadar cukai pendapatan         |
| C | Menguncup      | Berupaya untuk mengurangkan jumlah penciptaan kredit       |
| D | Menguncup      | Berlaku apabila kerajaan menambah perbelanjaan pembangunan |

73. Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

| Tahun | Kadar Dasar Semalaman (OPR) |
|-------|-----------------------------|
| 2020  | 2.5%                        |
| 2022  | 3.0%                        |

Apakah kesan tindakan tersebut kepada firma?

- A Daya saing meningkat
- B Produktiviti bertambah
- C Pelaburan agregat meningkat
- D Aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk berkurang

74. Penyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

- A Sektor Keselamatan
- B Sektor Perkhidmatan Sosial
- C Sektor Perkhidmatan Ekonomi
- D Sektor Pentadbiran Am

75. Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

"Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia".

*Sumber: Malaysiakini.com, 23 September 2022*

Apakah alat dasar kewangan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Menaikkan kadar faedah
- B Mengetatkan syarat sewa beli
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Menurunkan nisbah rizab tunai

76. Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kemelesetan ekonomi dalam negara?

- A Mengamalkan belanjawan lebihan
- B Melaksana dasar fiskal menguncup
- C Menaikkan perbelanjaan pembangunan
- D Mengurangkan lebihan permintaan agregat

77. Pilih pasangan yang betul tentang perbelanjaan kerajaan.


|   | Perbelanjaan kerajaan | Keterangan                                         |
|---|-----------------------|----------------------------------------------------|
| A | Mengurus              | Bersifat berulang-ulang setiap tahun               |
| B | Mengurus              | Membiayai projek pelaburan modal fizikal           |
| C | Pembangunan           | Tujuan untuk melancarkan pentadbiran negara        |
| D | Pembangunan           | Pembelian bekalan dan bahan untuk kegunaan pejabat |

78. Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam ekonomi.



Apakah tindakan tersebut?

- A Melaksanakan dasar kewangan mengembang
  - B Menurunkan nisbah rizab berkanun
  - C Menaikkan kadar faedah pinjaman
  - D Melonggarkan syarat sewa beli
79. Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal inflasi dalam negara?
- A Melaksanakan dasar fiskal mengembang
  - B Menaikkan kadar cukai pendapatan individu
  - C Menambah peruntukan perbelanjaan mengurus
  - D Membanyakkan projek pembangunan mega di handar
80. Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- A Bekalan dan perkhidmatan adalah contoh yang terlibat
  - B Bayaran membiayai pelaburan modal fizikal
  - C Bertujuan melancarkan pentadbiran negara
  - D Bersifat berulang-ulang setiap tahun
81. Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam ekonomi.



Apakah tindakan tersebut?

- A Menurunkan nisbah rizab berkanun
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Mengetat syarat sewa beli

82. Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk

- A menambahkan penawaran wang
- B menurunkan kadar bunga
- C menambahkan cukai
- D menurunkan inflasi

83. Antara berikut, yang manakah betul berkaitan dengan cukai tak langsung?

- I Encik Syukri membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Besut atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.
- II Syarikat Bijok membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari Korea.
- III Puan Maritza membayar RM730 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas pendapatannya.
- IV Puan Yati dikenakan bayaran tambahan 16% daripada bayaran penginapan Hotel Comel.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV